

10 MAY 1996

TANGGUHKAN PEMBINAAN CAKAR LANGIT DI PUSAT KL, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan berpendapat pembangunan di pusat bandar Kuala Lumpur wajar dilambatkan sedikit manakala projek pembinaan bangunan pencakar langit ditangguhkan untuk mengatasi masalah lalulintas terlebih dahulu.

Sebaliknya kerajaan boleh meluluskan pembinaan bangunan pencakar langit di kawasan pinggir Kuala Lumpur seperti di Wangsa Maju, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian semasa melancarkan Yayasan WangsaMaju di sini.

-- BERNAMA

MGM AFY NMO